



TATACARA MURID DAN KEBIASAAN BAHARU 3.0

BAGI MENGAWAL PENULARAN JANGKITAN PENYAKIT COVID-19

Bagi memastikan keselamatan dan kebajikan warga sekolah, pihak sekolah telah menggariskan beberapa tatacara dan kebiasaan baharu bagi warga sekolah. Tatacara adalah berpandukan **Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Sekolah 3.0** oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

A. TATACARA KEHADIRAN MURID KE SEKOLAH

1. Murid memastikan diri sentiasa berada dalam keadaan sihat, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 sebelum hadir ke sekolah.
2. Murid wajib memakai pelitup muka (face mask) apabila berada di kawasan sekolah. Digalakkan memakai pelitup muka berganda dan pelindung muka.
3. Murid dinasihatkan tidak datang ke sekolah terlalu awal. Pintu pagar B dan C sekolah hanya buka pada jam 6.45 pagi. Murid yang datang ke sekolah sebelum 6.45 pagi perlu masuk ke sekolah menggunakan pintu pagar A dan tunggu di tempat yang disediakan di tepi pondok keselamatan dan hanya boleh bergerak ke kelas masing-masing apabila guru bertugas sudah sampai ke pintu pagar B.
4. Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter dengan orang lain apabila berada di kawasan sekolah.
5. Melapor diri kepada Guru Bertugas dan menjalani saringan suhu badan dan pensanitasi tangan atau mencuci tangan dengan sabun di sinki air yang berdekatan apabila masuk ke kawasan sekolah.
6. Murid yang diimbis dan didapati bacaan suhu badan 37.5°C atau lebih dan bergejala, adalah tidak dibenarkan masuk ke premis sekolah. Ibu bapa perlu membawa murid tersebut balik ke rumah.
7. Murid yang mempunyai bacaan suhu badan 37.5°C atau lebih akan diminta berehat sebentar dan bacaan suhu badan akan diambil semula. Murid yang masih mempunyai suhu badan yang tinggi selepas bacaan kali ke 3 akan dihantar balik ke rumah.

Murid yang bergejala semasa PdP di sekolah akan dibawa ke bilik Isolasi untuk menjalani ujian sendiri covid 19 dan diuruskan oleh Guru bertugas 1. Ibu bapa akan dihubungi untuk membawa murid balik ke rumah. Jika keputusan ujian covid adalah positif, ibu bapa diminta membawa murid ke pusat kesihatan yang berdekatan untuk tindakan selanjutnya.

8. Memberi masa senggang bagi pengambilan suhu badan murid yang berjalan kaki atau berbasikal ke sekolah.
9. Tidak bersalaman dan bersentuhan dengan orang lain.
10. Elakkan daripada menyentuh permukaan yang tidak perlu.
11. Bergerak mengikut laluan pergerakan sehala ke kelas dan tidak dibenarkan bergerak atau berkumpul di tempat-tempat lain di kawasan sekolah. Rujuk **Pelan Laluan Pergerakan Murid Kelas Pada Waktu Pagi**.
12. Perhimpunan sekolah dan aktiviti kokurikulum yang melibatkan murid berkumpul secara beramai-ramai tidak dibenarkan.

B. TATACARA MURID WAKTU PDP

1. Murid hadir ke sekolah mengikut penggiliran minggu. Setiap kelas menempatkan bilangan murid mengikut kapasiti kelas 50% mengikut norma baharu 3.0. Bilangan kelas dibahagi kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan A dan kumpulan B. Murid dikehendaki hadir mengikut giliran kumpulan yang telah ditetapkan iaitu jika minggu 1 adalah bersemuka di sekolah maka minggu 2 murid menjalani PdPR di rumah dan seterusnya.
2. Pergerakan murid ke kelas adalah mengikut anak panah pergerakan satu hala. Rujuk **Pelan Laluan Murid Ke Kelas Pada Waktu Pagi**. Sebaik sampai ke kelas, murid bergerak ke tempat duduk mengikut pelan lantai yang telah dipaparkan di papan kenyataan dekat pintu depan kelas.
3. Susun atur bilik darjah adalah berasaskan penjarakan fizikal satu (1) meter.
 - 3.1 Menggalakkan murid membersihkan meja dan tempat duduk dengan tisu basah atau *disinfecting wipes* yang dibawa dari rumah.
 - 3.2 Murid tidak dibenar mengalih kedudukan meja dan kerusi yang ditetapkan atau bertukar tempat duduk.
4. Guru dan murid sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang PdPC berlangsung
5. Aktiviti kumpulan dibenarkan semasa PdPC di dalam bilik darjah dengan mematuhi SOP penjarakan fizikal 1 meter.
6. Semua PdPC berlangsung di dalam bilik darjah sahaja melainkan jika ada keperluan melaksanakan PdPC di makmal, bengkel atau di bilik-bilik khas.
8. Murid dibenarkan ke tandas mengikut tatacara ke tandas. Kebenaran hanya dibenarkan kepada seorang murid sahaja setiap kali keluar menggunakan Pas Keluar.
9. Murid tidak dibenarkan bergerak dari tempat duduk sewaktu pertukaran waktu subjek.
10. Murid tidak bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain.
11. Menggelak menyentuh permukaan yang tidak perlu.
12. Tidak berkongsi menggunakan alat tulis, buku dan sebarang peralatan.
13. Guru subjek hanya meninggalkan kelas apabila guru subjek seterusnya masuk ke bilik darjah.

C. TATACARA MURID WAKTU REHAT

1. Murid boleh membeli makanan daripada kantin atau membawa bekalan makanan daripada rumah.
2. Hanya murid yang hendak membeli makanan sahaja dibenarkan keluar dengan pas keluar. Murid sentiasa mematuhi SOP apabila bergerak ke kantin dan balik ke kelas, mencuci tangan sebelum masuk ke kantin, mengamalkan penjarakan fizikal semasa beratur untuk membeli makanan
3. Murid membawa makanan bungkus balik ke kelas dan makan di kelas dengan seliaan guru
4. Ibu bapa / Penjaga tidak dibenarkan menghantar makanan dan minuman ke Pos Pengawal Keselamatan demi keselamatan dan kebersihan.
5. Murid tidak boleh berkongsi makanan, minuman dan peralatan dengan rakan lain.
6. Penghantaran makanan melalui Khidmat Delivery Makanan tidak dibenarkan.
7. Bekas makanan dan minuman perlu dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan khas di koridor kelas selepas makan.
8. Murid dilarang makan dan minum sebelum dan selepas waktu rehat.

(***Pembelian makanan daripada kantin adalah tertakluk kepada perubahan mengikut keperluan)

4. TATACARA MURID KE TANDAS

1. Murid dibenarkan ke tandas semasa waktu PdP dengan mematuhi peraturan dan penjarakan fizikal.
2. Pas Keluar dibenarkan kepada seorang murid sahaja setiap kali keluar ke tandas
3. Guru memantau murid ke tandas semasa rehat.
4. Maksimum murid dalam tandas pada satu-satu masa bergantung kepada bilangan kubikel yang terdapat di situ. Jika semua kubikel digunakan, murid seterusnya perlu menunggu di luar tandas dengan mematuhi penjarakan 1 meter.
5. Murid menggunakan sabun membasuh tangan atau pensanitasi sebelum keluar dari tandas.
6. Murid digalakkan membawa tisu basah atau *personal care wipes* dari rumah bagi menjaga kebersihan diri.
7. Murid tidak dibenarkan berkumpul beramai-ramai di dalam dan sepanjang koridor tandas.
8. Segera balik ke kelas selepas menggunakan kemudahan di tandas.

5. TATACARA MURID MASA BALIK

1. Masa balik mengikut jadual waktu kelas.
2. Murid dilepaskan secara berperingkat dan ikut laluan sehalu dan menggunakan tangga yang ditetapkan.
3. Murid dikehendaki menjaga kebersihan meja dan tempat duduk. Jangan tinggalkan sampah di laci meja.
4. Semua buku teks, buku latihan, buku rujukan dan lain-lain barang milikan murid dibawa balik setiap hari atau disimpan di loker sewaan.
4. Sebarang sampah dibuang di dalam tong sampah yang disediakan.
5. Murid diingatkan menggunakan pensanitasi atau mencuci tangan di sinki dekat pintu pagar sebelum keluar dari kawasan sekolah.
6. Murid tidak dibenarkan bergerak ke tempat lain dalam kawasan sekolah selepas waktu persekolahan
7. Murid dinasihatkan terus balik rumah dan tidak berhenti atau berkumpul di luar pagar sekolah.
8. Ibu bapa atau penjaga digalakkan membawa anak balik sebaik loceng tamat persekolahan.
9. Murid diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP penjarakan fizikal 1 meter apabila bergerak keluar dari sekolah dan semasa menunggu pengangkutan untuk balik ke rumah.